



## IKLAN JAWATAN KOSONG PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia (keutamaan akan diberikan kepada Rakyat Negeri Perak darul Ridzuan)** yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di dalam pentadbiran Majlis Daerah Lenggong.

**NAMA JAWATAN** : **PEMBANTU AWAM GRED H11**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**  
**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN:** **PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**  
**KADAR UPAH** : **RM 54.00 SEHARI**  
**KEKOSONGAN** : **4**  
**TARIKH IKLAN DI TUTUP** : **27 JULAI 2016 (RABU)**

### SYARAT

**LANTIKAN** : Calon bagi Lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- d) Menjalankan tugas-tugas am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja;
- e) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Malaysia dengan baik;
- f) Boleh bekerja di luar waktu pejabat dan di luar stesyen apabila diperlukan;
- g) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh ketua jabatan.

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **KEPUJIAN Bahasa Melayu subjek Bahasa Melayu (termasuk Lulus Ujian Lisan)** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

### CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT :-

- a) Semua permohonan hendaklah menggunakan **Borang (MD.LG.Pkdm.1/96)** yang boleh didapati di **Kaunter Khidmat Pelanggan, Majlis Daerah Lenggong** atau muat turun di Laman Web MDLG iaitu [www.mdlg.gov.my](http://www.mdlg.gov.my).

- b) Semua permohonan hendaklah lengkap dengan maklumat seperti berikut :-
- i. **Sekeping gambar terbaru berukuran pasport iaitu 2.5sm x 3.8 sm (*tidak dibenarkan gambar yang diimbias atau difotostat*);**
  - ii. **Salinan Kad Pengenalan (depan dan belakang);**
  - iii. **Salinan surat beranak;**
  - iv. **Salinan Kad Pengenalan Bapa/Ibu;**
  - v. **Salinan sijil-sijil persekolahan atau salinan keputusan peperiksaan yang telah diperolehi;**
  - vi. **Lain-lain sijil yang berkenaan**
- c) Setiap salinan dokumen di atas hendaklah **DIAKUI SAH**
- d) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul yang bertulis '**PEMBANTU AWAM GRED H11 (PSH)**' dan dihantar ke alamat seperti berikut:

**YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH LENGGONG,  
JALAN ALANG ISKANDAR,  
33400 LENGGONG,  
PERAK DARUL RIDZUAN.**

**CATATAN AM :-**

- a) Permohonan **AKAN DITOLAK** jika borang permohonan :-
- i. Tidak menggunakan **Borang (MD.LG.Pkdm.1/96)**
  - ii. Tiada salinan Sijil Kelahiran.
  - iii. Tiada salinan Kad Pengenalan Pemohon/Ibu/Bapa.
  - iv. Tiada salinan Kelulusan Pelajaran/Peperiksaan.
  - v. Borang permohonan yang tidak ditandatangani
  - vi. Borang permohonan yang tidak lengkap diisi atau tidak terang.
  - vii. Tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan.
  - viii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan
  - ix. Salinan sijil-sijil tidak diakui sah
  - x. Permohonan yang terima selepas tarikh tutup iklan
- b) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.